



## Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak



# SEMBANG INTEGRITI: Rasuah Penghancur Kerjaya

Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan dan meningkatkan kesedaran penjawat awam dengan implikasi melibatkan diri dalam gejala rasuah serta tindakan-tindakan yang menjurus ke arah berlakunya rasuah.

Program ini telah dilaksanakan pada 26 Jun 2023 di Imperial Hotel, Kuching dan dihadiri oleh pegawai daripada ibu pejabat dan pejabat bahagian.

Penceramah yang dijemput pada hari tersebut adalah **Encik Hisyamuddin bin Mustafa Harudin** yang merupakan Penolong Penguasa, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak.





# UJIAN SARINGAN AIR KENCING BAGI WARGA KERJA IBU PEJABAT



Program Ujian Saringan Air Kencing kepada semua warga kerja di Ibu Pejabat telah dilaksanakan bagi memastikan semua warga kerja adalah bebas dari penyalahgunaan dadah. Program ini telah dikendalikan secara berperingkat. Peringkat pertama telah dilaksanakan pada 28 Julai 2023 dan peringkat kedua pada 13 September 2023. Dengan kerjasama daripada pihak ibu pejabat dan pejabat bahagian Kuching Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), program ini berjaya dikendalikan secara efisien. Seramai 179 orang mengambil ujian tersebut termasuk beberapa orang pelatih industri dan keputusan ujian adalah amat baik iaitu tiada pegawai yang terlibat dengan jenayah penyalahgunaan dadah.



## Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak



# BENGKEL PENGENDALIAN KES TATATERTIB

Objektif utama Bengkel Pengendalian Kes Tatatertib adalah untuk mengukuhkan pengetahuan pegawai awam berkenaan tatakelakuan dan disiplin yang termaktub dalam Perintah - Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996 dan Kaedah - Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 14 dan 15 September 2023 di Raia Hotel, Kuching. Seramai 41 orang peserta yang hadir termasuk Jurutera Air Bahagian, Ketua Penolong Pengarah dan pegawai sokongan yang terlibat secara langsung dalam proses pengendalian kes tatatertib. Penceramah yang dijemput adalah Puan Noraini binti Abu Bakar, dari Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak, Puan Maria Nadja Anak Jimmy, Encik Angelico Anak Francis Freddy Tiam, Puan Siti Nurainnie binti Bolhassan dari Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, dan Puan Emma binti Mohd Yusri dari Bahagian Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.





## SEMINAR INTEGRITI: Integriti Membentuk Budaya Kerja Cemerlang

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memperkuatkan nilai integriti dalam tadbir urus baik sekaligus memupuk kesedaran berterusan dalam pembudayaan integriti dalam kalangan warga kerja jabatan. Program ini dilaksanakan pada 14 November 2023 di Imperial Hotel, Kuching. Seramai 200 orang yang hadir ke seminar tersebut termasuk Pengurusan Tertinggi, Ketua Penolong Pengarah , Jurutera Air Bahagian, dan kumpulan sokongan daripada pejabat bahagian JBALB seluruh Sarawak. Penceramah yang dijemput adalah daripada agensi CJ Global Venture iaitu Encik Mohd Firdaus bin Ramlan, Ustaz Shafiee Hussin, Coach Muhammad Amirul Syaddad Daud dan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak, Puan Mardiana Binti Han.

